

NADRATUN NAFISAH USAHAWAN KELAHIRAN UUM

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 06 September 2010 9:48

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

6 SEPTEMBER 2010/27 RAMADAN 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

Gambar Oleh: Zamarizul Salleh

NADRATUN NAFISAH USAHAWAN KELAHIRAN UUM

UUM ONLINE: Graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) Nadratun Nafisah Abdul Wahab, 31 membuktikan pembabitannya dalam bidang program siswaniaga yang dikendalikan oleh Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) memberi pulangan yang amat bermakna baginya.

Graduan Sains Teknousahawan 2007-2009 ini yang memulakan kerjayanya sebagai Pembantu Tadbir sambilan di CEDI pada 2006 tidak menyangka sama sekali akan berjaya dalam bidang Keusahawanan sekaligus berjaya membuka enam cawangan perniagaan dalam telekomunikasi di negeri ini.

Beliau yang kini bertindak sebagai Pengurus Besar Twenty Gold Enterprise yang ditubuhkan sejak enam tahun lalu membuka cawangan di Kachi Mall, Varsity Mall UUM dan Terminal Bas Shahab Perdana, Alor Setar.

Perniagaan milikan tunggal yang bermodalkan RM100,000 ini menyediakan produk dan perkhidmatan Celcom secara terus kepada pelanggan.

Nadratun ketika ditemui berkata, beliau adalah seorang daripada lapan siswazah perantis yang telah ditempatkan di bawah naungan beberapa buah syarikat dalam program latihan sangkut kerja atau Program Siswazah Perantis PUNB (SPP).